



# **MAJLIS PELANCARAN TANAM SEMULA SAWIT KE SAWIT PERINGKAT KEBANGSAAN 2009**

**UCAPAN ALUAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN  
KETUA PENGARAH RISDA**

DI DEWAN TUN RAZAK, TEMERLOH,  
PAHANG.  
14 FEBRUARI 2009  
10.00 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin  
Muhammad Taib, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Berhormat Dato' Wan Rosdy bin Wan Ismail  
Exco Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwat Orang Asli  
Negeri Pahang

Yang Berbahagia Dato' Ali Nordin bin Wahiduddin  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Pelancaran

Yang Berbahagia Tn. Hj. Wan Mohamad Zuki bin Hj. Mohamad  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat) RISDA

Yang Dihormati En. Noh bin Ahmad  
Ketua MPOB Wilayah Timur  
Mewakili Ketua Pengarah MPOB

Yang Dihormati En. Mohd. Miswari bin Abdullah  
Pengarah Bahagian Pembangunan Sosio-Ekonomi JHEOA  
Mewakili Ketua Pengarah JHEOA

Pengarah-Pengarah Bahagian

Pengurus-Pengurus Besar Anak Syarikat RISDA

Pengarah RISDA Negeri Pahang

Pemaju – Pemaju Masyarakat Pekebun Kecil , Pengerusi & ALP  
Koperasi Pekebun Kecil serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang  
dihormati sekalian

3

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

## **1.0 PENGHARGAAN**

Syukur Alhamdulillah, saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan rahmatNya, dapat kita bersama-sama berkumpul di Dewan Tun Razak, Temerloh yang indah ini untuk Majlis Pelancaran Program Tanam Semula Sawit ke Sawit Peringkat Kebangsaan pada hari ini. Bagi pihak pengurusan RISDA, saya amat mengalu-alukan dan berterima kasih di atas kesudian Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin Muhammad Taib, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

4

melapangkan masa hadir untuk menyempurnakan Majlis kita pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran dan sokongan YB Tan Sri menyemarakkan lagi semangat kami semua untuk meneruskan usaha memperkasa dan membangunkan masyarakat pekebun kecil di negara ini. Saya juga mengambil peluang di sini untuk mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Dato' Wan Rosdy bin Ismail, Exco Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang dan ADUN-ADUN Negeri Pahang yang begitu perihatin untuk hadir bersama-sama kita pada hari ini. Juga kepada pihak MPOB, JHEOA serta semua dif-dif jemputan ke Majlis ini, Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan menjadi pendorong

5

kepada RISDA untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pekebun kecil dan penduduk di luar bandar khususnya dan juga industri getah dan sawit keseluruhannya. Tidak lupa juga kepada semua PMPK, ALP Koperasi Pekebun Kecil, peserta TSK, serta pekebun kecil dari seluruh Negeri Pahang.

## **2.0 TUJUAN MAJLIS**

a. Tujuan Majlis Pelancaran Program Tanam Semula Sawit ke Sawit Peringkat Kebangsaan pada hari ini adalah untuk menghebahkan kepada semua pekebun kecil sawit di negara ini

6

mengenai Program TSSS yang telah pun diluluskan oleh Kerajaan mulai 1 Januari 2009.

b. Pada hari ini juga, seramai 10 orang pertama pekebun kecil sawit akan menerima kelulusan permohonan Tanam semula sawit ke Sawit mereka.

c. Selain daripada itu, RISDA juga akan menyampaikan dividen berjumlah RM207,500.00 kepada 372 orang peserta TSK di Pahang.

7

### **3.0 PROGRAM TANAM SEMULA SAWIT KE SAWIT**

Pada tahun 2007, keluasan kawasan tanaman sawit adalah 4,304,913 hektar di mana 470,155 atau 10.92% diusahakan oleh pekebun kecil. Di Semenanjung Malaysia sahaja, seramai 133,384 orang pekebun kecil terlibat dengan tanaman sawit dengan keluasan 334,770 hektar sementara di Sabah dan Sarawak berkeluasan 135,385 hektar. Sehingga tahun 2007, 315,824.98 hektar telah ditanam dengan sawit melalui Program Tanam Semula ke Tanaman Lain (TSGL), kini dijangkakan sejumlah 59,948.36 hektar telah sampai masa untuk ditanam semula. Ini tidak termasuk kebun-kebun kecil yang telah dibangunkan sendiri

8

tanpa melalui RISDA. Namun tiada bantuan untuk tanam semula sawit ke sawit dan ketiadaan bantuan ini telah menyebabkan pendapatan pekebun kecil sawit berkurangan dan miskin kerana pokok sawit berada pada peringkat penurunan hasil kecuali kebun mereka ditanam semula. Daripada Kajian yang telah dijalankan oleh RISDA, adalah didapati pekebun kecil sawit yang memiliki 2.5 hektar ke bawah tidak mampu untuk menabung bagi melaksanakan tanam semula kerana pendapatan bersih mereka amat terhad. Bagi pekebun kecil yang memiliki kebun sawit melebihi 2.5 hektar, mereka mempunyai lebih pendapatan dan boleh menabung untuk membiayai kos tanam semula.

Menyedari hakikat ini, Program Tanam Semula Sawit ke Sawit 2.5 hektar ke bawah telah diluluskan oleh kerajaan mulai 1 Januari 2009. Pada tahun 2009 ini, sejumlah RM4.4 juta diperuntukkan untuk melaksanakan seluas 2,000 hektar.

#### **4.0 SYARAT DAN KELAYAKAN TSSS**

Pekebun kecil yang layak menerima Bantuan Tanam Semula Sawit ke Sawit adalah pekebun kecil yang memiliki keluasan tanah secara agregat 2.5 hektar dan ke bawah dalam entiti yang sama. Syarat kebun adalah seperti berikut:

- kebun mesti mengandungi pokok sawit tua berumur melebihi 25 tahun atau
- mengandungi tunggul atau cebisan sawit atau
- ada bukti penjualan sawit atau
- pokok sawit yang melebihi 20 tahun tetapi tidak ekonomik disebabkan bencana alam

**Kadar Bantuan** adalah RM6,000/hektar dengan bayaran ansuran seperti berikut:

Ansuran1 : RM2190.00

Ansuran2 : RM1250.00

11

Ansuran3 : RM1500.00

Ansuran 4 : RM1060.00

**Keutamaan Peserta:**

-Pemilik Pengusaha Projek Kumpulan

-Pemilik Pengusaha Individu

-Projek Tanam Semula oleh Agensi (FELDA, FELCRA, KESEDAR, TSK)

Dengan ini, saya menyeru kepada semua pekebun kecil sawit yang layak untuk membuat permohonan segera bagi mendapatkan Bantuan TSSS ini.

12

## **5.0 BENIH SAWIT**

Bagi melaksanakan Program ini, RISDA telah pun bersedia dengan penambahan benih sawit. Bagi tahun 2009 ini, selain daripada menyediakan 11.4 juta benih getah, RISDA juga menyediakan 1.4 juta benih sawit. Selain daripada itu, benih sawit yang baru dan bermutu juga dikenalpasti untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pekebun kecil. Ke arah ini, RISDA juga ada mengeluarkan benih 'RISDA Seed' dan pada masa ini sedang bekerjasama dengan MPOB untuk mengeluarkan benih Tisu Kultur. Pada penghujung tahun 2009 ini, insyaAllah

13

RISDA dapat mengeluarkan benih Tisu Kultur ini apabila Makmal Tisu kultur RISDA di Bangi siap.

Selain daripada itu, sejumlah 3 buah Tapak semaian Transit Sawit juga akan dilaksanakan pada tahun ini untuk menampung keperluan benih sawit secara lebih berkesan.

## **6.0 CADANGAN IKPK SAWIT**

Selaras dengan perkembangan dalam industri sawit dan juga penambahan tugas dan peranan RISDA dalam membangunkan pekebun kecil sawit, pembangunan modal insan juga tidak dilupakan. Pengurusan RISDA telah bersetuju untuk menubuhkan

14

sebuah Institut Kemajuan Pekebun Kecil khusus untuk memberi latihan khusus dalam bidang teknologi sawit kepada pekebun kecil supaya segala pembaharuan dan teknologi dalam industri sawit dapat di amalkan oleh mereka. Pada masa ini, RISDA sedang dalam usaha untuk mengenalpasti tempat yang sesuai untuk menempatkan IKPK ini.

## **7.0 PENUTUP**

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana Tuan-tuan dan Puan-puan tentunya sudah tidak sabar lagi untuk mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Tan Sri Muhammad bin

15

Muhammad Taib, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada hari ini. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Tan Sri atas kesudian untuk menyempurnakan Majlis pada hari ini. Setinggi penghargaan juga kepada Yang Berhormat Dato' Wan Rosdy bin Ismail, Exco Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang, ADUN-ADUN, juga para jemputan serta pekebun kecil yang hadir. Tidak ketinggalan juga terima kasih kepada Dato' Ali Nordin dan Dato' Hj. Mujahid bin Mohamad, serta Jawatankuasanya yang telah bekerja keras untuk menjayakan Majlis ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha Tuan-tuan dan Puan-puan.

16



**Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah ,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.**